



KEMENTERIAN KERJA RAYA  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## KEJADIAN TANAH RUNTUH DI JALAN PERSEKUTUAN DI JALAN GERIK-JELI (PERAK-KELANTAN)

Kementerian Kerja Raya (KKR), dalam siasatan awal mendapati kejadian tanah runtuh pada 23 Disember 2014, jam 9 malam di Jalan Gerik-Jeli (Jalan Persekutuan) berpunca daripada kegagalan struktur tanah tambakan (*slip circle failure*) kerana hujan lebat yang berterusan semenjak 20 Disember 2014.

Tanah runtuh berlaku di seksyen 178 Jalan Gerik-Jeli (Jalan Persekutuan 004) yang melibatkan jalan raya sepanjang 30 meter panjang dan 9 meter lebar.

Dalam kejadian tersebut sebuah lori dan kereta telah terjatuh ke lubang runtuh seluas 15 meter namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

Jalan tersebut ditutup kepada semua kenderaan dari kedua-dua arah berikutan runtuh yang berlaku.

Pengarah JKR Perak, Dato' Ir. Dr. Safry Kamal Haji Ahmad, mengadakan lawatan tapak bersama-sama Pengarah Bahagian Kejuruteraan Cerun Ibu Pejabat JKR Malaysia, Dr Che Hassandi Abdullah dan kontraktor yang dilantik ke tapak kejadian pada pagi 24 Disember 2014 untuk mengenalpasti langkah dan tindakan yang perlu diambil bagi membuka laluan berkenaan dalam masa terdekat.

Hasil lawatan berkenaan, KKR memutuskan untuk membina laluan sementara di sebelah kanan jalan dari arah Jeli sebagai jalan alternatif kerana ia langkah paling sesuai dan paling cepat. Laluan baharu ini akan mempunyai dua lorong seperti jalan yang sedia ada.




Kerja-kerja pembinaan laluan sementara ini melibatkan penanaman '*sheet pile*' di bahagian kiri jalan (dari arah Gerik) bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh yang lebih teruk. Laluan ini akan dibina sebahagiannya di atas jalan sedia ada dan sebahagian lagi dikawasan bukit di bahagian kiri yang akan dipotong. Kerja ini dijangka akan mengambil masa selama tiga hingga tujuh hari.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**24 DISEMBER 2014**

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)






---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)






---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia**

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : [www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my) |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  [pro@kk.gov.my](mailto:pro@kk.gov.my)